

Tujuan baik kawal nikah bawah umur

Fenomena nikah bawah umur semakin mendapat perhatian walaupun kes terencil. Ada segelintir ahli masyarakat menjadikan sunnah Nabi Muhammad SAW sebagai alasan untuk tujuan tersebut.

Namun, ini bukanlah alasan yang munasabah kerana masyarakat seharusnya memahami bahawa realiti zaman kita jauh berbeza dengan zaman Rasulullah SAW.

Pada era dunia serba moden ini, masyarakat berdaya saing untuk mengejar kemajuan tidak kira dalam apa jua bidang.

Pendidikan sangat dititikberatkan kepada anak.

Justeru, wajarlah kanak-kanak perempuan yang masih usianya di bawah umur dikahwinkan seperti kontroversi yang berlaku di Kelantan pada Februari 2010, yang mana Siti Nur Zubaidah Husin yang baru berusia 11 tahun berkahwin dengan lelaki berusia 40 tahun.

Menurut ahli Majlis Ulama Arab Saudi, Syeikh Abdullah al-Manie, perkahwinan antara Rasulullah SAW dengan Siti Aisyah tidak sepatutnya dijadikan alasan mewajarkan perkahwinan gadis bawah umur.

Beliau memberi reaksi perkahwinan gadis berumur 12 tahun dengan lelaki 80 tahun di Buraidah, Arab Saudi.

Walaupun nikah bawah umur ini dibenarkan oleh agama Islam, namun Malaysia menetapkan undang-undang khusus bagi kes kahwin bawah umur ini. Objektifnya adalah untuk mengawal perkara itu dan memastikan pihak yang terbabit terutama perempuan mendapat perlindungan dan jaminan.

Seksyen 8, Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984 dan enakmen pada peringkat negeri memperuntukkan umur minimum untuk berkahwin.

Akta ini menyatakan bahawa tiada perkahwinan boleh diakadnikahkan atau didaftarkan jika lelaki itu berumur kurang daripada 18 tahun atau perempuan berumur kurang 16 tahun kecuali jika Hakim Syariah memberi kebenarannya secara bertulis dalam keadaan tertentu.

Berdasarkan kajian Pakar Perunding Obstetriks dan Ginekologi Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), Prof Madya Dr Harlina Halizah Siraj, kebanyakan remaja yang hamil ketika usia muda bakal berhadapan dengan banyak komplikasi serta masalah kesihatan.

Che Husnirulhuda Hussin,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

INFO

Nikah bawah umur

⊙ Tiada perkahwinan boleh diakadnikahkan atau didaftarkan jika lelaki itu berumur kurang daripada 18 tahun atau perempuan berumur kurang 16 tahun kecuali jika Hakim Syariah memberi kebenarannya secara bertulis dalam hal keadaan tertentu.